

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**SOALAN**

**YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan terus membebaskan semua kleptokrat sambil terus membuat *selective prosecution* dan lebih parah menahan orang yang tidak bersalah.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)]**

Sesungguhnya Jabatan Peguam Negara tidak mengamalkan pendakwaan terpilih (*selective prosecution*) terhadap mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa seseorang telah melakukan kesalahan di bawah sesuatu undang-undang, pertuduhan akan dikenakan ke atas orang tersebut mengikut peruntukan undang-undang berkenaan tanpa mengira status orang tersebut.

Keputusan Jabatan Peguam Negara dalam mengenakan pertuduhan atau tidak terhadap mana-mana orang adalah berdasarkan keterangan dan fakta kejadian, dan bukanlah atas desakan oleh mana-mana pihak atau apa-apa faktor yang lain. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.